

24/09/2002

JPS pantau pemendapan di sungai

JOHOR BAHRU, Isnin - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor akan memantau kejadian pemendapan tanah di Sungai Johor dan Lebam, Kota Tinggi yang didakwa berlaku akibat kesan penambakan di Pulau Ubin dan Tekong, di Singapura.

Pengarahnya, Chan Choong Cheong, berkata pihaknya tidak dapat mengaitkan kejadian pemendapan tanah di sungai itu dengan kegiatan penambakan di Singapura, setakat ini.

Beliau berkata, kejadian pemendapan tanah di kawasan berkenaan sudah berlaku sejak beberapa tahun lalu dan boleh berlaku secara semula jadi, bukan hanya akibat aktiviti penambakan.

"Kajian dan pemantauan mengenai kesan penambakan tanah oleh Singapura ke atas perairan Malaysia dijalankan JPS Malaysia. Laporan itu sudah siap dan akan dibentangkan ke Kabinet tidak lama lagi.

"Mungkin kesan pemendapan tanah di sungai berkenaan ada dalam kajian berkenaan.

"Bagaimanapun, setakat ini semua maklumat mengenainya adalah sulit sehingga ia dilaporkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, November ini.

"Oleh itu, kami akan meminta JPS Kota Tinggi terus memantau kejadian pemendapan tanah di sungai terbabit dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan Berita Harian berhubung aduan nelayan di beberapa perkampungan sekitar Sungai Johor dan Lebam, Kota Tinggi, meminta kerajaan memantau kejadian pemendapan tanah di kawasan sungai terbabit yang didakwa kesan penambakan di Pulau Tekong dan Ubin, Singapura.